

**Penguatkuasaan Enakmen Cegah Orang Islam Murtad Perlu Dimantapkan, Kata  
Jamil Khir  
Bernama  
11 Disember, 2011**

GURUN, 11 Dis (Bernama) -- Penguatkuasaan Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam kepada Orang Islam perlu dimantapkan bagi mengekang gerakan memurtadkan orang Islam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata ini kerana enakmen tersebut tidak dilaksanakan dan dikuatkuasakan walaupun telah diwartakan oleh beberapa negeri sejak 1980.

"Dalam hubungan ini yang penting kita kena beri penerangan kepada pegawai-pegawai supaya memahami enakmen tersebut agar penguatkuasaannya kelak berkesan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis pecah tanah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) Jeniang, dekat sini hari ini.

Jamil Khir yang mengulas laporan media mengenai dakwaan wujud gerakan memurtadkan orang Islam di negara ini, mahu perkara itu ditangani dengan segera sebelum menjadi serius.

Laporan itu memetik kenyataan Penasihat Majlis Agama Islam Johor Datuk Nooh Gadot susulan titah Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah, agar pihak bertanggungjawab seperti Majlis Agama Islam Selangor dan Jabatan Agama Islam Selangor mengambil langkah strategik menangani kegiatan memurtadkan orang Islam di Selangor.

Mengulas lanjut, Jamil Khir berkata tidak perlu enakmen atau akta baru bagi menangani isu tersebut asalkan ada penambahbaikan daripada aspek penguatkuasaan mengikut peruntukan sedia ada.

Katanya hanya lima negeri yang belum mempunyai enakmen tersebut iaitu Perak, Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak.

Sehubungan itu, beliau menyarankan agar negeri terbabit menggubal dan mewartakan enakmen tersebut.

Pada majlis itu, Jamil Khir turut mengumumkan kerajaan pusat meluluskan peruntukan RM50,000 kepada SRJKC Jeniang untuk tujuan pembangunan sekolah.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=633383>